

Headline	FRIM terbit buku		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	695 cm ²
Journalist	NOOR DIANA AZIS	AdValue	RM 13,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,209



FRIM terbit buku

Dokumentasikan
himpunan orkid yang
menjadi kebanggaan

Oleh **NOOR DIANA AZIS**

ORKID merupakan antara bunga yang mendapat permintaan di kalangan masyarakat bagi tujuan hiasan mahupun memberi warna kepada halaman rumah yang suram.

Persepsi orang ramai kerap mengatakan bahawa tanaman ini berkait rapat dengan golongan elit kerana sifat serta imejnya yang dianggap eksklusif.

Namun kebelakangan ini perkembangan industri bunga-bunga menyebabkan minat terhadap orkid kini dikongsi oleh pelbagai peringkat lapisan masyarakat.

Ini kerana, orkid dikatakan mampu menyegarkan mata selain memberi kepuasan jiwa kepada penggemar tanaman tersebut.

Pokok orkid sebenarnya dikategorikan sebagai tumbuhan liar yang mempunyai habitat asal di kawasan hutan dan disebabkan sifatnya yang cantik dan mudah dijaga, usaha penanamannya kini telah diperluaskan secara komersial.

Menurut Pegawai Penyelidik Program Biodiversiti Flora, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Ong Poh Teck, pelbagai cara dilakukan oleh penggemar orkid termasuk menjalankan penyelidikan untuk mengacukkan spesies berbeza bagi mendapatkan warna yang lebih menarik.

Beliau yang telah berkhidmat di FRIM sejak enam tahun lalu menjelaskan, penggemar orkid biasanya akan mendapatkan khidmat nasihat mereka untuk mengacuk benih hibrid.

“Ada yang berhubung terus dengan kami bagi mendapatkan khidmat nasihat sebelum melakukan proses kacukan kerana mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil sebelum memulakan proses.

“Ramai di antara mereka melakukan proses kacuk untuk mendapatkan orkid hibrid bagi tujuan komersial seperti yang

selalu dilihat di nurseri,” tambahnya.

Oleh kerana orkid mudah didapati di mana sahaja termasuk di kawasan tanah paya gambut, tidak menjadi kesulitan untuk mendapatkan pelbagai jenis tumbuhan tersebut.

“Kebanyakan orang lebih suka kepada orkid hibrid kerana bentuk dan warnanya lebih menarik berbanding orkid liar yang tidak dikacukkan dengan mana-mana benih.

“Spesies orkid liar ini juga boleh dilakukan secara hibrid untuk menghasilkan kelopak lebih lebar, warna lebih terang dan pelbagai serta kekerapan percambahan bunga lebih kerap,” katanya yang ditemui Kepong, Selangor baru-baru ini.

Tambahnya lagi, bagi mengenalpasti perbezaan struktur bunga yang di kacuk (hibrid) dan yang asli, ia hanya boleh dilihat apabila tumbuhan tersebut mengeluarkan bunga.

Ini kerana melalui kelopak serta struktur bunga sahaja yang dapat membezakan antara hibrid atau pun asli semula jadi.

Dalam usaha memberi pendedahan serta pemahaman yang lebih khusus kepada penggemar tumbuhan tersebut, Poh Teck bersama tiga orang penyelidik FRIM yang lain iaitu Peter O’Byrne, Wendy Yong dan Dr. Saw Leng Guan telah bekerjasama menghasilkan buku *Wild Orchids of Peninsular Malaysia*.

Buku yang diterbitkan pada 2011 itu merupakan bahan bacaan yang padat dengan gambar ratusan spesies orkid liar yang kian diancam kepupusan serta dilengkapi penerangan mengenai asal usul dan keistimewaan setiap spesies orkid yang terdapat dalam negara.

Penerbitan *Wild Orchids of Peninsular Malaysia* itu merupakan antara sebahagian daripada projek dokumentasi *Flora of Peninsular Malaysia* yang dilakukan FRIM sejak tahun 2005.

“Buku tersebut turut menyelitikan beberapa fakta menarik, faktor-faktor ancaman serta peluang yang ada dalam usaha pemuliharaan bagi memastikan orkid liar terus kekal di masa depan.

“Selain itu, buku ini turut menerangkan mengenai proses pengebungaan serta penemuan baru yang diperolehi melalui beberapa spesies orkid terancam negara,” jelasnya. - **Bernama**

Pencinta ilmu, buku dan alam boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada Ketua Unit Penerbitan FRIM, Norhara Hussein di talian 03-62797482 atau emel kepada nNorhara@frim.gov.my.

Info buku 'Wild Orchids of Peninsular

Buku tersebut memberi pendedahan mengenai lebih 450 spesies orkid liar yang ditemui di Semenanjung Malaysia termasuk penemuan terbaru berkenaan kepelbagaian, habitat dan kelakuan seks selain penyelidikan saintifik dan pemuliharaan sama ada dalam atau di luar habitat sebenar

Saintis menganggarkan bahawa terdapat lebih 350,000 spesies tumbuhan berbunga di dunia, yang mana kira-kira 10 peratus daripadanya adalah tumbuhan orkid.

Kumpulan tumbuhan orkid atau Orchidaceae yang juga famili tumbuhan berbunga terbesar dan paling kaya dengan kepelbagaian, merangkumi sekurang-kurangnya 22,500 spesies unik yang telah ditemui dan dinamakan.

Orkid juga adalah tumbuhan yang paling berjaya di dunia

Headline	FRIM terbit buku		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	695 cm ²
Journalist	NOOR DIANA AZIS	AdValue	RM 13,736
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,209

memandangkan ia boleh ditemui di seluruh dunia, kecuali Antartika, meskipun ia paling sesuai di persekitaran tropika. Meskipun taburan kumpulan tumbuhan ini begitu meluas,

buku '*Wild Orchids of Peninsular Malaysia*' mendedahkan bahawa Asia Tenggara adalah rantau paling kaya dengan spesies orkid di dunia dengan angka melebihi 10,000 spesies.

Wild Orchids of Peninsular Malaysia yang kini telah dicetak untuk keluaran kali ke dua boleh didapati di semua cawangan kedai buku MPH seluruh negara dengan harga RM120 senaskah.



ONG Poh Teck menyatakan orkid hibrid lebih di gemari kerana bentuk dan warnanya lebih menarik berbanding orkid liar.



BUKU *Wild Orchids of Peninsular* memberi pendedahan mengenai lebih 450 spesies orkid liar yang ditemui di Semenanjung Malaysia termasuk penemuan terbaru.